

PASUKAN ragbi
tujuh sebelah UPM.



UPM CERAH RAIH EMAS

Miliki sembilan pemain wakili negara di Sukan Komanwel Birmingham 2022

ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meraih emas pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022.

Ini kerana, mereka memiliki sembilan pemain yang mewakili negara di Sukan Komanwel Birmingham 2022 baru-baru ini dan ditambah pula dengan kemenangan besar ke atas Universiti Selangor (Unisel) 41-0 dalam perlawanan peringkat kumpulan pagi semalam.

Bagaimanapun, jurulatihnya Mohamad Nazeer Nesarah mengakui kelebihan

yang dimiliki itu sedikit sebanyak memberi tekanan kepada pasukannya dan mahu pemain terus fokus pada setiap perlawanan.

"Itu sememangnya tekanan bagi pemain itu sendiri kerana mereka sedar ada tanggungjawab besar dan mereka pun membawa nama sebagai pemain Malaysia sebagaimana orang lain kenal.

"Saya pun ada berbincang dengan pemain di mana tekanan itu kita akan tukar kepada perkara yang lebih positif. Itulah yang kami buat dalam usaha meraih

emas kali ini.

"Saya juga ambil itu sebagai kelebihan memandangkan mereka ada pengalaman bermain di peringkat antarabangsa. Namun, saya sentiasa mengingatkan pemain agar tidak mengambil mudah dalam setiap perlawanan," katanya.

Jelas Nazeer, kali ini mereka bertekad untuk merampas kembali takhta juara ragbi tujuh sebelah SUKIPT yang dimenangi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada edisi lalu.

"Sememangnya kami sa-

sarkan untuk mendapatkan emas. Bagaimanapun, kami tidak mengambil mudah saingan daripada pasukan lain.

"Ini kerana, pada temasya sebelum ini pun kami tidak dapat mempertahankan kejuaraan. Jadi, saya punya motivasi kepada pemain lebih untuk merampas kembali kejuaraan dalam acara ini," katanya.

Acara ragbi tujuh sebelah yang dipertandingkan dalam temasya SUKIPT edisi ke-5 kali ini disertai sebanyak 25 universiti dari seluruh negara.


UPSI, Tanjung Malim • 2022

Oleh Affan Rostam
sukan@hmetro.com.my

Tanjung Malim

Di atas kertas nyata kelebihan berpihak kepada pasukan ra-